Kukuhkan kerjasama bidang pendidikan guru

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Makan Malam Apresiasi bagi mengalu-alukan kehadiran rombongan Mesyuarat Tertinggi Association of Southeast Asian Teachers Education Network (AsTEN) dan penghargaan atas kepercayaan yang diberikan kepada KUPU SB sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat Tertinggi AsTEN.

Majlis diselajurkan dengan Majlis Penandatanganan Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara KUPU SB dengan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI).

Menandatangani perjanjian bagi pihak KUPU SB adalah Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar, dan bagi pihak UPI ialah Profesor Didi Sukyadi bagi mewakili Rektor UPI, Profesor Dr. Asep Kadarrohman.

Penandatanganan perjanjian tersebut menjadi titik mula terjalinnya kerjasama yang lebih kuat di antara kedua-dua institusi pengajian tinggi dalam bidang pendidikan dan perguruan termasuk penyelidikan, mobiliti pelajar dan kongsi sama pakar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penandatanganan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Majlis Makan Malam yang diadakan di dewan Tarbiyah, KUPU SB dihadiri oleh Pemangku Raes, Dr. Awang Haji Adanan; Naib-Naib Canselor; Rektor-rektor dan wakil daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Serantau.

AsTEN merupakan rangkaian Institusi Pendidikan Guru utama negara-negara ASEAN, di mana ahli-ahli akan menggerakkan usaha dalam menangani isu, cabaran dan kebimbangan berkaitan dengan program, amalan dan dasar Pendidikan Guru di rantau ASEAN.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Makan Malam Apresiasi.

Pada masa yang sama, rangkaian tersebut berfungsi sebagai platform bagi kerjasama dalam usaha memajukan akademik dan penyelidikan di dalam dan di seluruh institusi yang akhirnya akan memberi manfaat kepada negara dan bangsa ASEAN.

Ahli-ahli AsTEN terdiri daripada IPT serantau.

Semasa Majlis Konvokesyen Kelima KUPU SB 1437H / 2015M, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor KUPU SB bertitah agar KUPU SB bukan sahaja mengambil manfaat terbaik dari pusat-pusat pengajian tinggi luar negara, tetapi perlu menyumbangkan pengalaman tersendiri selaku sebuah institusi perguruan Islam di rantau ini.

Sehubungan itu, KUPU SB menjadi tuan rumah pada mesyuarat tertinggi Association of Southeast AsTEN yang dilihat sebagai peluang besar bagi KUPU SB untuk memainkan peranannya sebagai sebuah pusat ilmu perguruan dan pendidikan Islam dalam menjalinkan kerjasama bersama institusi-institusi pengajian tinggi perguruan serantau, termasuk National Institute of Education Singapura, Universiti Perguruan Sultan Idris, Malaysia dan Universitas Pendidikan Indonesia.

Bersama tangani isu kemiskinan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Rabu, 3 Oktober. - Isu kemiskinan sepatutnya bukan dilihat sebagai satu masalah atau cabaran namun adalah satu peluang dalam menghubungkan orang yang membantu dan orang yang dibantu dalam usaha mengurangkan kemiskinan di negara ini.

Kita sering beranggapan kemiskinan ini sebagai satu cabaran atau kepayahan untuk mengendalikan atau mengawalnya dan ia adalah tanggungjawab satu agensi atau pihak sahaja untuk mengawal isu ini.

Namun jika dilihat, terdapat banyak peluang untuk kita sebagai masyarakat untuk melaksanakan dan mengusahakan apa yang perlu bagi sama-sama membantu mengurangkan kemiskinan.

Demikian dijelaskan oleh Pengasas Projek Bina Ukhwah, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menjadi ahli panel pada Forum Khas sempena Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1440 Hijrah yang membawa tajuk 'Peluang dan Cabaran Membasmi Kemiskinan : Apa Peranan Belia?', berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Menurutnya, melalui isu ini, kita dapat memainkan peranan dalam sama-sama membantu golongan yang kurang berkemampuan di negara ini dan jangan hanya melihat satu pihak sahaja untuk melaksanakan bantuan.

"Inilah masanya untuk kita menuding jari itu kepada diri sendiri, apa peranan kitani sebagai ahli didalam masyarakat ini untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan di negara ini. Contohnya sebagai mahasiswa / i di UBD, apa kemahiran kita untuk disumbangkan kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan ini. Kita sering kali melihat bahawa ia tugasan satu agensi untuk memeduli golongan-golongan ini tapi kita perlu juga berperanan dalam sama-sama membantu," ujar beliau.

Sementara itu, seorang lagi ahli panel forum iaitu Pembantu Kaunselor di Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali pula mengongsikan mengenai mengapa orang yang berazam mahu berubah tetapi suka menangguh-nangguhkan.

Beliau menjelaskan perkara ini adalah kerana tiada kesedaran dalam diri mereka.

Jelasnya, ramai orang tahu apabila mereka berubah, mereka akan dapat mencapai kecemerlangan dalam kehidupan, perkataan tahu dan sedar adalah dua perkara yang berbeza, ramai yang tahu untuk berubah tapi tidak mempunyai kesedaran.

"Kesedaran itu lahirnya melalui perasaan, apabila kita ada rasa baru kita dapat membuat perubahan," jelasnya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Majlis turut dihadiri oleh para pegawai, pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar UBD dan juga para pelajar Institusi Pengajian Tinggi lainnya, iaitu Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan Politeknik Brunei.

Di samping itu, orang ramai yang hadir semasa forum itu juga berpeluang untuk menyaksikan pameran-pameran para usahawan belia di Negara Brunei Darussalam, yang antara lainnya disertai oleh Al Huffaz, Nadi Quran Learning Centre, Projek Bina Ukhwah, Belia Masjid, Online Talaqqi, Afeera, Mudaser dan usahawan sukarelawan lainnya.

Acara seumpama ini merupakan acara tahunan yang diadakan bertujuan untuk menyemarakkan upacara dan Sambutan Awal Tahun Hijrah dan juga sebagai khidmat penyalur ilmu kepada para warga UBD khususnya dan orang awam amnya.

Forum merupakan anjuran pihak jawatankuasa keugamaan UBD bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD dan Persatuan Mahasiswa / i Universiti Brunei Darussalam (PMUBD).

NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada forum berkenaan.

PENGASAS Projek Bina Ukhwah, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin dan Pembantu Kaunselor di Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali semasa menjadi ahli panel pada Forum Khas sempena Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1440 Hijrah di Dewan Kuliah Utama, Universiti Brunei Darussalam.

Pelita Brunei
MINDA PEMBACA
Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. 'Faedah Membaca Kepada Masyarakat'. Tarikh Tutup : 10 Oktober 2018
2. 'Pupuk Sikap Cintai Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : 17 Oktober 2018
3. 'Hormati Dan Hargai Jasa Warga Emas'. Tarikh Tutup : 24 Oktober 2018

Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi BND75 Setiap Minggu